

10

KONSEP PEMBELAJARAN

Ahmad Johari Sihes

PENGENALAN

Pembelajaran dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat bermula sabaik sahaja dilahirkan . Pembelajaran bukan setakat merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran.

Pembelajaran membawa perubahan pada diri seseorang, sama ada perubahan ke arah kebaikan ataupun keburukan. Walaubagaimanapun, perubahan yang disebabkan oleh kematangan seperti berjalan, makan, penyakit dan kelaparan tidak dianggap sebagai pembelajaran.

Definisi Pembelajaran

Terdapat perbezaan pendapat mengenai pengertian *pembelajaran* di antara ahli-ahli psikologi pendidikan mengikut mazhab atau fahaman psikologi masing-masing. Berikut adalah definisi-definisi pembelajaran mengikut beberapa orang ahli psikologi pendidikan.

Jadual 10.1 : Beberapa definisi tentang pembelajaran.

Tokoh Psikologi/Pengarang	Ahli Tajuk Buku	Definisi Pembelajaran
Robert M Gagne	The Conditions of Learning, 1970.	Pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan tetapi tidak disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang dipanggil pembelajaran diperlihatkan melalui perubahan tingkah laku; dengan membandingkan tingkah laku seseorang individu sebelum didedahkan kepada situasi pembelajaran dengan tingkah lakunya selepas didedahkan dengan situasi pembelajaran.
Morgan dan King	Introduction to Psychology, 1975	Pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalaninya.
E.R. Hilgard, R.C. Atkinson dan R.L. Atkinson	Introduction to Psychology, 1975.	Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang kekal hasil dari pengalaman. Perubahan ini mungkin tidak jelas sehingga timbul suatu situasi yang menonjolkan tingkah laku baru ini; pembelajaran biasanya tidak diperlihatkan dengan serta-merta melalui pencapaian.
Henry Clay Lindgren dan Donn Byrne	Psychology: An Introduction to a Behavioral Science, 1976.	Perkataan 'pembelajaran' melambangkan konsep atau idea bagi menerangkan perubahan tingkah laku yang diperlihatkan oleh seseorang.
Morris L. Bigge	Learning	Pembelajaran merujuk kepada beberapa

	Theories for Teachers, 1982.	perubahan sistematik dalam tingkah laku atau penyusunan tingkah laku yang berlaku hasil dari pengalaman dalam situasi yang tertentu.
Kelvin Seifert	Educational Psychology, 1983.	Pembelajaran merangkumi perubahan tingkah laku yang agak kekal disebabkan oleh pengalaman tertentu atau ulangan pengalaman.
Anita E. Woolfolk	Educational Psychology, 1995.	Pembelajaran adalah proses di mana pengalaman menyebabkan perubahan dalam pengetahuan dan tingkah laku yang kekal .

Daripada huraian yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi pendidikan tersebut , dapatlah disimpulkan bahawa walaupun pengertian pembelajaran yang diberikan berbeza antara satu sama lain, terdapat juga persamaan di antara huraian ini. Kesemua definisi ini memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku seseorang sebagai ukuran berlakunya pembelajaran. Apakah aspek perubahan tingkah laku tersebut ?

Pada asasnya terdapat dua mazhab pemikiran yang menyarankan tentang aspek perubahan yang berlaku dalam seseorang akibat dari pembelajaran.

KLASIFIKASI PEMBELAJARAN

Proses pembelajaran melibatkan aspek mental, fizikal, emosi dan sosial. Secara umumnya pembelajaran boleh dikelaskan kepada 3 jenis iaitu:

1. Pembelajaran Formal
2. Pembelajaran Informal (Tak Formal)
3. Pembelajaran Non-Formal (Bukan Formal)

JENIS-JENIS PEMBELAJARAN

Jenis Pembelajaran Bloom

Dari pengertian pembelajaran yang telah diberikan oleh beberapa ahli psikologi pendidikan, jelaslah pada kita bahawa pembelajaran bukan sahaja berlaku dari segi mental, malah ia boleh berlaku dari segi fizikal, emosi dan juga sosial.

Ahli psikologi pendidikan Amerika Syarikat, Benjamin S. Bloom menyatakan bahawa pembelajaran manusia berlaku dalam 3 bidang iaitu:

- 1) Bidang kognitif
- 2) Bidang afektif
- 3) Bidang psikomotor

Jadual10.3 : Jenis pembelajaran Bloom

PEMBELAJARAN KOGNITIF	PEMBELAJARAN AFEKTIF	PEMBELAJARAN PSIKOMOTOR
<ul style="list-style-type: none">• Mengutamakan penggunaan mental.• Contohnya: Menyelesaikan masalah matematik dan sains, memberi hujah bagi menyokong sesuatu perbincangan yang bersifat akademik.	<ul style="list-style-type: none">• Mengutamakan penggunaan aspek sosial dan emosi.• Berinteraksi dengan orang lain dan mendalami emosi diri sendiri untuk belajar bertolak ansur, bertanggungjawabn belas kasihan dan sifat-sifat sosial yang lain.	<ul style="list-style-type: none">• Mengutamakan penggunaan aspek fizikal dan melibatkan koordinasi antara otak, saraf dan anggota badan.• Contohnya: Belajar menulis, bermain bolasepak, menunggang basikal, membaiki kereta dengan perkakas, menjahit dan sebagainya.

Jenis Pembelajaran Ryburn dan Forge

Terdapat pendapat yang menyarankan bahawa pembelajaran perlu dilihat dari sudut bagaimana pembelajaran berlaku pada manusia. Berdasarkan fahaman ini, W. M. Ryburn dan K. B. Forge di dalam bukunya "*Principles of Teaching*" bahawa pembelajaran manusia boleh diklasifikasikan kepada 6 jenis.

Jenis Pembelajaran Gagne

Gagne (1977) mengemukakan 8 jenis pembelajaran dalam bukunya "*The Conditions Of Learning*" berdasarkan tahap kerumitan pembelajaran; bermula dari pembelajaran yang paling mudah kepada pembelajaran yang kompleks, menurut hierarki kemahiran kecerdasan.

PRINSIP PEMBELAJARAN

Situasi pembelajaran meliputi semua aspek persekitaran seseorang pelajar dan semua faktor yang mempengaruhinya. Berdasarkan pemerhatian daripada kajian terhadap proses pembelajaran, beberapa kesimpulan umum boleh dibuat. iNi dirujuk sebagai prinsip pembelajaran yang memberi garispanduan tentang cara pembelajaran berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

1. **Pertalian.** Pembelajaran mudah berlaku bagi perkara-perkara yang mempunyai pertalian antara satu sama lain. Misalnya, perkara-perkara yang seiras, berpadanan dan yang berlaku dalam jarak masa yang singkat.
2. **Pengulangan.** Perkara yang kerap diulang-ulang dapat membantu proses pembelajaran.
3. **Kepuasan.** Tindakan belajar yang menghasilkan ganjaran dan kepuasan akan mendorong pembelajaran dan perkara yang dipelajari juga akan kekal dalam ingatan.
4. **Pengalaman.** Pembelajaran dan kefahaman akan lebih mudah berlaku apabila pelajar pernah mengalami sendiri sesuatu aktiviti.
5. **Pelaziman.** Kebiasaan membuat sesuatu berulang kali dapat menghasilkan pembelajaran secara pelaziman.

6. Kesediaan. Pembelajaran hanya boleh berlaku jika seseorang itu mempunyai kesediaan untuk belajar. Paksaan tidak dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan.
7. Penyertaan. Pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran akan menghasilkan pemahaman yang berkesan dan apa yang dipelajari dapat diingati dengan lebih lama.
8. Peniruan. Pembelajaran boleh berlaku dengan meniru perbuatan orang lain
9. Minat. Pembelajaran lebih mudah berlaku jika seseorang itu berminat atau sanggup mempelajari sesuatu.
10. Motivasi. Seseorang yang digerakkan (bermotivasi) untuk belajar akan menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan. Motivasi boleh wujud dalam bentuk ekstrinsik (ganjaran luar) atau intrinsik (keinginan dalaman).
11. Peneguhan. Peneguhan yang sesuai dapat menambahkan pembelajaran dan menjamin pengekalannya. Peneguhan positif seperti pujian lebih berkesan untuk menggalakkan pembelajaran. Sebaliknya peneguhan negatif seperti denda boleh digunakan untuk menghapuskan tingkah laku yang tidak diinginkan.
12. Pemingkatan pembelajaran. Isi pembelajaran hendaklah disusun secara sistematik daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada konkrit (maujud) kepada yang abstrak (mujarad), daripada umum kepada khusus dan daripada fakta kepada penaakulan.
13. Kaedah pembelajaran. Kaedah pengajaran guru yang baik dan kaedah pembelajaran pelajar yang sesuai dapat menambahkan keberkesanan pembelajaran.
14. Maklum balas. Guru dan pelajar perlu mendapatkan maklum balas berkaitan dengan proses dan kemajuan dalam pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Ini membolehkan guru menyesuaikan kaedah pengajarannya, sementara pelajar pula dapat memperbaiki pembelajarannya.
15. Pengalaman seharian. Pelajaran yang disampaikan hendaklah dihubungkan dengan pengalaman seharian pelajar. Pelajaran seperti ini lebih bermakna dan berguna kepada pelajar menguasai sesuatu pembelajaran.

KESIMPULAN

Pembelajaran merupakan segala perubahan tingkah laku yang agak kekal, akibat dari perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan semata-mata disebabkan oleh pertumbuhan atau kematangan, ataupun disebabkan oleh kesan sementara seperti dadah dan penyakit. Prinsip pembelajaran ialah suatu garis panduan mengenai bagaimana pembelajaran berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Dengan itu guru boleh merancang dengan lebih sempurna untuk melaksanakan pengajarannya supaya lebih berkesan.

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan 1994. *Penggunaan Minda yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Alderfer, C. (1972). *Existence, relatedness, & growth*. New York: Free Press.
- Anita Woolfolk. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Anne Anastasi (1965), *Individual Differences*, USA: John Wiley & Sons, Inc.
Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan, Pahang, PTS Publication & Distribution.
- Arkes, H. R & Garske, J. P. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Monterey, Calif.: Brooks / Cole Publication.
- Arkes, H.A. (1982). *Psychological Theories of Motivation*. Belmont, California: Wadworth.
- Ault R.L. (1983). "Children's Cognitive Development (2nd Ed.)" Oxford : Oxford Press
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. UTM : Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya; Asmah Suboh; Zurihanmi Zakaria; Fawziah Yahya (2005). "Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan" Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Baller, W. R dan Charles, D.C. 1986 *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein Holt New York
- Douglas, L. Medin, Brain, H. Ross (1996). *Cognitive Psychology*. USA: Harcourt Edition, New Jersey: Prentice Hall Inc.

- Eggen, P. & Ksuehak, D. (2001). "Educational Psychology Windows On Classrooms". 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Fisher, Jeffrey D; Bell, Paul A; Baum, Andrew (1978). **Environmental Psychology (Second Edition)**. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Flavell J.H. (1977). "Cognitive Development" New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Flawell, John H.; Miller, Patricia H.; Miller, Scot A. (1993). **Cognitive Development (Third Edition)**. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York : Holt, Rinehart & Winston.
- George, B dan Margerat, H. 1994. *Principles of Developmental Psychology*. East Sussex, U.K: Lawrence Erlbaum Ass.
- Gross, R. (2001). "Psychology The Science Of Mind And Behaviour". 4th Edition. London : British Library Cataloguing in Publication Data.
- Hall, C.S and Lindzey, G (1978). **Theories of Personality**. New York: John Wiley & Sons.
- Hergenhahn, B.R. & Matthew Olson. (2001). *An Introduction to Theories of Learning*. 6th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Margaret Matlin (1983). *Cognition*. New York: CBS College.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper.
- Matlin M.W. (1994). "Cognition (3rd Ed.)" United States of America : Harcourt Brace McGraw-Hill, Inc.
- Medin, Douglas L. dan Ross,Brain H.(1997). "*Cognitive Psychology*." 2nd Ed.United Zanden, James W. Vander. (2000). *Human Development* . USA: The Mc. Graw- Hill Companies. Inc.